



**MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM
16300 BACHOK
KELANTAN**

Tel: 09-7787636

Faks: 09-7789533

PEMBERITAHUAN

**IKLAN TAWARAN PAJAKAN TANDAS AWAM DALAM KAWASAN
MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM
BAGI TAHUN 2024**

Ruj. Fail : MDB 48/7/4/JLD.34

Tarikh : 14 November 2023


1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang perseorangan atau Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak Tandas Awam dalam kawasan **MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM** untuk tempoh satu (1) tahun bermula 01 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024. Tandas-tandas awam yang dimaksudkan adalah sebagaimana berikut :
 - i. Tandas Awam Pantai Irama (Sebelah Tapak Pasar Malam) – pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 9,000 setahun.
 - ii. Tandas Awam Pantai Irama (Depan Restoran KFC) – pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 4,800 setahun.
 - iii. Tandas Awam Pantai Irama (Belakang Menara JPAM) – pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 6,000 setahun.
 - iv. Tandas Awam Pantai Irama (JPS) – pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 3,000 setahun.
 - v. Tandas Awam Pantai Senok – pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 7,200 setahun.
 - vi. Tandas Awam Pantai Melawi – pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 6,000 setahun.
 - vii. Tandas Awam Pantai Kemayang – pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 7,200 setahun.
 - viii. Tandas Awam Dataran Kubu Kuala Gel Melawi – pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 2,400 setahun.
 - ix. Tandas Awam Luar Pasar Siti Aishah, Jelawat – pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 7,200 setahun.
 - x. Tandas Awam Taman Kemahkotaan, Bachok – pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM 8,400 setahun.

2. Mana-mana tawaran yang kurang dari kadar yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan. Semua tawaran hendaklah dibuat melalui Borang Tawaran Pajakan yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga **sebanyak RM 20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh sahaja)** senaskhah.
3. Setiap orang yang ingin memasuki tawaran hendaklah menyimpan wang pertaruhan RM 500.00 bagi semua Tandas Awam Pantai Irama, Tandas Awam Pantai Senok, Tandas Awam Pantai Melawi, Tandas Awam Pantai Kemayang dan Tandas Awam Luar Pasar Siti Aishah Jelawat. Manakala RM 100.00 bagi Tandas Awam Dataran Kubu Kuala Gel Melawi. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya. Manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima atau menolak tawaran, wang pertaruhannya akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.
4. Borang tawaran yang telah di sempurnakan beserta resit Am Wang Pertaruhan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul, dimeteri dan dibahagian atasnya di sebelah kiri hendaklah ditulis **“TAWARAN PAJAKAN TANDAS AWAM (NAMA TANDAS 2024)”** Sampul tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di pejabat ini sebelum jam **12.00 tengahari** pada **29 November 2023 (Rabu) bersamaan 15 Jamadil Awal 1445H**. Tawaran yang diterima selepas itu tidak akan dilayan.
5. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit atas kadar tiga (3) bulan pajakan.
6. Penawar yang berjaya akan diberi surat kebenaran bagi membolehkan memungut caj dari orang ramai yang telah menggunakan tandas dengan tidak melebihi kadar yang ditetapkan di **Lampiran A**.
7. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum atau pada 7 haribulan tiap-tiap bulan. Jika pemajak gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.
8. Bayaran Elektrik dan Air adalah tanggungjawab pemajak sepenuhnya untuk menjelaskan termasuk bayaran deposit.
9. Pemajak dikehendaki menjaga kebersihan tandas pada setiap masa hingga pihak majlis berpuas hati.
10. Penawar yang berjaya boleh memungut bayaran hasil dengan kadar yang difikirkan munasabah oleh pihak majlis.
11. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis jika hendak membatalkan pajakan. Pihak majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran samada tinggi atau sebaliknya. Keputusan Majlis adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
12. Pihak majlis tidak akan terikat dengan mana-mana tawaran yang tertinggi atau sebaliknya dan keputusan Majlis adalah muktamad serta sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima Kasih.

**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”**

Saya yang menjalankan amanah,


(**MOHD EZAZIB BIN MOHD EMBONG**)

Setiausaha,

Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.

b.p : Yang Dipertua

Majlis Daerah Bachok- Bandar Pelancongan Islam
Kelantan

s.k

1. YABrs. Tuan Yang Dipertua,
Majlis Daerah Bachok.
2. Semua Ahli Majlis Daerah Bachok-BPI.
3. MDB : 48/7/4/JLD.34
Tarikh : 14 November 2023

LAMPIRAN A

KADAR CAJ PENGGUNAAN TANDAS-TANDAS AWAM MAJLIS DAERAH BACHOK BAGI TAHUN 2024

.....

Spesifikasi dan kadar kutipan caj yang ditetapkan adalah sebagaimana berikut :

Bil.	Golongan Dewasa dan Kanak-Kanak	Kadar Caj (RM)
1.	Buang Air	0.50
2.	Mandi	1.00